

20/10/2001

`Tidak ramai akan ambil isteri muda'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ahli Dewan Rakyat hari ini gelak apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan, tidak ramai lelaki yang akan mengambil isteri muda dan meninggalkan isteri tua apabila kerajaan meneruskan bayaran pencen kepada balu selepas mereka berkahwin semula.

"Kahwinlah," kata Perdana Menteri secara spontan, setelah menerima tepukan gemuruh apabila beliau mencadangkan bayaran pencen terus diberikan kepada balu walaupun mereka berkahwin baru.

Sebelum ini, balu yang menerima bayaran pencen suami yang sudah meninggal dunia, akan kehilangan kemudahan itu jika mereka berkahwin semula.

Dr Mahathir menarik perhatian Dewan apabila menyatakan kerajaan mengiktiraf peranan wanita.

"Sesungguhnya, wanita di negara ini bertuah kerana kerajaan sentiasa memberi galakan dan peluang saksama untuk menceburi sebarang bidang pekerjaan, tidak seperti di negeri tertentu yang tidak mengalakkan wanitanya bekerja," katanya.

(END)